

BILIK DARJAH PENDIDIKAN KHAS PADA MASA KINI DAN KEKANGANNYA TERHADAP PROSES PENGAJARAN

**(CURRENT SPECIAL EDUCATION CLASSROOM AND ITS
LIMITATIONS TOWARDS TEACHING PROCESS)**

**Mohd Hanafi Mohd Yasin¹, Hasnah Toran², Mohd Mokhtar Tahar³,
Safani Bari⁴, Siti Nur Nadirah Ibrahim⁵ and Rozniza Zaharudin⁶**

^{1,2,3,4,5} Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor

⁶ School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia,

11800 Pulau Pinang

*Corresponding author: mhmy6365@ukm.my

Abstrak: Suasana sesebuah bilik darjah mempunyai peranan besar dalam menghasilkan aktiviti pembelajaran yang baik. Oleh itu, pelbagai aspek perlu diambil kira sebelum sesebuah bilik darjah pendidikan khas dibina atau diubah suai. Bilik darjah yang sempit boleh menghasilkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang hambar dan kurang berkesan. Bilik darjah pendidikan khas (PK) sepatutnya dibina secara terancang serta memenuhi ciri-ciri sebuah ruang pembelajaran bagi pelajar-pelajar PK. Sebagai contoh, program PK perlu disediakan tandas, laluan bagi pelajar kurang upaya fizikal, perabot dan ruang penyimpanan alat bantu mengajar (ABM) yang bersesuaian. Ini adalah kerana bilik darjah yang sesuai, selesa, ceria dan menarik boleh menimbulkan minat pelajar-pelajar PK untuk belajar. Di Malaysia masih terdapat banyak bilik darjah PK yang dibina dan diubah suai tidak mengikuti ciri-ciri sebuah bilik darjah pelajar-pelajar PK. Ada pihak-pihak bertanggungjawab kurang mengambil berat tentang hal ini. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui sejauh mana kesesuaian infrastruktur fizikal sekolah dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di seluruh negara. Seramai 319 responden yang terdiri daripada guru PK telah memberikan pandangan mereka. Majoriti daripada mereka kurang berpuas hati terhadap infrastruktur bilik darjah PK di sekolah mereka. Mereka juga menyatakan bahawa bilik darjah yang disediakan sempit dan tidak sesuai dengan bilangan pelajar. Masalah lain yang turut dihadapi oleh mereka ialah kekurangan bahan bantu mengajar dan kemudahan yang terhad bagi pelajar PK. Kajian juga mendapati bahawa kelengkapan infrastruktur multimedia masih tidak mencukupi. Secara keseluruhan dapatlah disimpulkan bahawa infrastruktur bilik darjah sekolah dan PPKI di negara ini masih memerlukan penambahan dan peningkatan mengikut satu spesifikasi standard yang dikeluarkan oleh badan yang bertanggungjawab.

Kata kunci: bilik darjah pendidikan khas, infrastruktur fizikal, pengurusan bilik darjah, infrastruktur multimedia

Abstract: Classroom atmosphere has a major role in producing a good learning activity. Therefore, various aspects need to be considered before a special education classrooms are built or renovated. Small classroom will make learning environment bland and less

effective. Special education classroom should be planned to meet the characteristics of special education children. For example, classrooms for special education program should have built in latrines, allow access for children with physical disabilities, and furniture with storage space of teaching aids. This is because classrooms that are appropriate, comfortable, cheerful and attractive can foster interest in learning. In Malaysia, there are still many classrooms built and modified without complying to the characteristics of a classroom for special education students. There are certain agencies who are responsible but were not concerned about it. Therefore, this study aims to determine the suitability of the infrastructure of schools and special education integration program across the country. A total of 319 respondents consists of special education teachers have given their views. The majority of them are not satisfy with the special education classroom infrastructure in their schools. They also stated that the classrooms are overcrowded and not suitable for the large number of students. Other problem faced by them is the lack of teaching aids and limited facilities for special education students. The study also found that multimedia insufficient equipment is still insufficient. On the whole we can conclude that the classroom infrastructure and integration of special education programs in Malaysia still need further improvement according to the standard specification issued by the organisation concerned.

Keywords: Special education classrooms, physical infrastructure, classroom management, multimedia infrastructure

PENGENALAN

Kemudahan fizikal seperti bilik darjah, makmal, bilik khas dan kemudahan lain serta persekitaran sekolah yang kondusif adalah keperluan paling asas bagi menyediakan peluang pembelajaran optimum kepada semua pelajar termasuk untuk pelajar PK. Melalui pendidikan yang sempurna, pelajar-pelajar PK boleh dilatih untuk berdikari di samping memperkembangkan potensi mereka. Sistem pendidikan di negara kita kini telah diubah suai selaras dengan hasrat negara yang terkandung dalam Wawasan 2020. Ianya menjadi sasaran utama negara untuk menjadi sebuah negara maju yang mementingkan pembangunan insan selaras dengan pendidikan bersepadu yang digunakan.

Pendidikan adalah satu wacana yang penting bagi merealisasikan matlamat negara maju. Seperti yang kita ketahui, sebahagian besar masa pelajar-pelajar adalah di dalam bilik darjah. Ia merupakan satu tempat bagi pelajar-pelajar berkumpul untuk belajar tanpa mengira latar belakang. Manakala pengurusan bilik darjah boleh ditakrifkan sebagai kebolehan guru mengawal pelajar bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar. Pengurusan bilik darjah yang baik dapat mengurangkan masalah disiplin dan meningkatkan prestasi pelajar. Seiring dengan itu, pembangunan dan iklim bilik darjah yang kondusif perlu diubah suai mengikut keperluan pelajar biasa dan pelajar yang berkeperluan khas khususnya. Pelajar berkeperluan khas

ditempatkan di bawah pendidikan khas iaitu, perkhidmatan dan kemudahan pendidikan yang disediakan untuk individu istimewa atau kurang upaya yang terdiri daripada mereka yang mengalami kecacatan mental, masalah pendengaran, masalah penglihatan, kecacatan fizikal dan golongan pintar cerdas.

Menurut Elliot dan Thurlow (2006), perhatian yang diberi mengenai kesamarataan bagi penilaian yang berbeza untuk pelajar kurang upaya telah meningkat dan perkara ini tidak lagi menghairankan. Pelbagai cadangan dibuat bagi membantu golongan ini seperti menjalankan ujian yang bersesuaian dengan ketidakupayaan mereka. Orang Kurang Upaya (OKU) tidak boleh dikecualikan daripada sistem pendidikan umum atas asas ketidakupayaan. Oleh yang demikian, bagi membolehkan mereka yang kurang upaya melanjutkan pelajaran, penyesuaian yang munasabah yang sesuai dengan keperluan OKU dari segi prasarana, kelengkapan dan bahan pengajaran, kaedah pengajaran, kurikulum dan bentuk sokongan lain yang memenuhi pelbagai keperluan mereka perlu disediakan. Golongan ini juga berhak mendapat kesamarataan dan layanan secara adil tanpa sebarang unsur diskriminasi terhadap ketidakupayaan mereka (Zainudin, 2004).

Bagi tujuan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, susun atur sesebuah bilik darjah yang diperlukan di peringkat sekolah rendah agak berbeza berbanding dengan di peringkat yang lebih tinggi. Suasana fizikal dalam bilik darjah khususnya susunan tempat duduk memainkan peranan penting. Saiz bilik bagi pengajaran Pendidikan Islam haruslah sesuai agar pengajaran dan pembelajaran dapat dilakukan dengan selesa. Susunan yang berkesan membolehkan guru mudah untuk bergerak menghampiri pelajar. Susunan perabot seperti komputer, almari, meja besar untuk kerja kumpulan yang selesa dan kemas akan menimbulkan suasana ceria bagi pelajar menjalani proses pembelajaran. Secara amnya, ukuran umum bagi ruang bilik darjah yang biasa terdapat di sekolah-sekolah ialah 72 meter persegi ($9\text{ m} \times 8\text{ m}$), tetapi ada di antara bilik darjah di sekolah-sekolah sama ada di bandar maupun luar bandar tidak mengikut ukuran yang ditetapkan. Keselesaan pelajar bukan lagi menjadi keutamaan dan ini amat membimbangkan kerana pencapaian pelajar bergantung kepada usaha daripada mereka sendiri, guru serta pihak sekolah.

Pihak sekolah perlu prihatin di atas keperluan pelajar terutamanya untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Perkara inilah yang ingin dilihat dalam pembinaan dan penyediaan infrastruktur di sekolah pendidikan khas terutama bilik darjah yang disediakan di sekolah-sekolah. Usaha-usaha sedang dilakukan bagi meningkatkan taraf infrastruktur dan asessibiliti bilik darjah pendidikan khas bagi semua kategori. Satu garis panduan infrastuktur yang standard diperlukan agar semua bilik darjah pendidikan khas yang dibina mempunyai infrastruktur yang sesuai serta memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran pendidikan khas.

Menurut Purkey dan Smith (1983), persekitaran sesebuah sekolah memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Sampel

Sampel kajian terdiri daripada guru-guru yang mengajar di sekolah pendidikan khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi bagi masalah penglihatan, masalah pendengaran dan bermasalah pembelajaran dari sekolah di seluruh Malaysia meliputi Sabah dan Sarawak.

Instrumen Kajian

Kaedah temu bual dan soal selidik telah digunakan dalam kajian ini. Bagi kaedah temu bual, soalan-soalan temu bual telah dibentuk bagi mendapatkan data yang terdapat dalam persoalan kajian. Guru yang terlibat sepenuhnya dalam program ini telah diajukan dengan soalan-soalan berbentuk terbuka (*open ended*) supaya responden bebas untuk menjawab soalan dengan jawapan yang sesuai. Bagi soal selidik pula, pengkaji telah menggunakan soal selidik dengan respon yang tetap yang dibentuk sendiri oleh pengkaji berdasarkan daripada tinjauan perpustakaan. Soal selidik ini memberi tumpuan terhadap aspek-aspek infrastruktur bilik darjah pendidikan khas yang telah dibina di sekolah-sekolah pendidikan khas dan juga Sekolah Program Integrasi Pendidikan Khas.

Borang soal selidik mempunyai sepuluh bahagian:

- A. maklumat sekolah/ program
- B. maklumat guru
- C. maklumat pengurusan
- D. lokasi program
- E. keadaan fizikal
- F. kemudahan program pendidikan khas
- G. maklumat bilik darjah
- H. peralatan dan perabot
- I. pandangan terhadap bilik darjah pendidikan khas
- J. pandangan guru terhadap bilik darjah pendidikan khas di sekolah

Bahagian A dan B adalah soalan berbentuk pilihan objektif. Manakala bahagian C sehingga I pula merupakan soalan yang menyatakan pandangan responden dan dikawal berdasarkan skor skala Likert. Soalan pada bahagian J adalah berbentuk terbuka (*open ended*) dan subjektif. Aspek dalam kajian tersebut telah dianalisis

dan kemudiannya pengkategorian semula dilakukan supaya selaras dengan aspek-aspek permasalahan yang dikehendaki dalam kajian ini. Soalan-soalan yang dibina merupakan soalan mudah dan tidak melibatkan banyak perkataan melainkan penjelasan lanjut diperlukan.

Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data dilakukan dengan menemu bual guru-guru dan juga pemantauan melalui pemerhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Semua sesi temu bual telah dirakam dengan menggunakan pita rakaman. Pemerhatian juga telah dijalankan dengan mengambil gambar di sekolah dan bilik darjah.

Prosedur Penganalisisan Data

Berdasarkan teknik-teknik pengumpulan data yang digunakan, hanya dua jenis data yang digunakan iaitu data kualitatif dan data kuantitatif. Data kualitatif hanya digunakan pada bahagian J di dalam borang soal selidik manakala keseluruhan bahagian soalan menggunakan data kuantitatif. Beberapa cara penganalisisan telah dilakukan bagi mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan kajian iaitu dengan menggunakan program *Software Statistical Package for the Social Science Module* (SPSS).

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan maklum balas responden, iaitu 319 orang guru ($N = 319$) di seluruh Malaysia yang terlibat dengan soal selidik ini, 231 (72.4%) daripada mereka tidak berpuas hati terhadap infrastruktur bilik darjah bagi pelajar-pelajar pendidikan khas di sekolah masing-masing. Ini menunjukkan hampir keseluruhan guru-guru pendidikan khas tidak bersetuju terhadap infrastruktur bilik darjah berbanding hanya 24.8% atau 79 orang responden yang memberi pandangan positif terhadap kaji selidik. Rata-rata daripada responden yang tidak berpuas hati memberikan penjelasan bahawa keluasan bilik darjah tidak bersesuaian, sempit, tidak kondusif dan tidak dapat menampung bilangan pelajar yang ramai di dalam bilik darjah. Bilik-bilik darjah pendidikan khas yang sempit adalah disebabkan ia adalah hasil daripada pengubahsuaian bilik darjah biasa.

Menurut Eleweke (2002), bilik darjah yang mempunyai ruang yang terhad akan mengakibatkan sama ada kanak-kanak perlu belajar di ruang yang terbuka atau terpaksa berkongsi sehingga empat atau lebih bilik darjah. Masalah ini bukan sahaja mengganggu keselesaan pelajar kerana bilangannya yang ramai malah bilik darjah selalunya berada di dalam keadaan yang perlu selalu diperbaiki.

Pernyataan ini disokong oleh beberapa responden di sekolah kebangsaan di sekitar negeri Selangor (masalah pembelajaran), mengatakan bahawa bilik darjah di sekolah mereka mempunyai ruang yang terhad kerana saiz bilik darjah untuk aliran perdana terpaksa dipecahkan kepada empat bilik darjah pendidikan khas. Mereka juga menyatakan bahawa sesetengah sekolah mempunyai peruntukan kewangan yang tidak mencukupi dan kesan daripada pengubahsuaian bilik darjah pendidikan khas yang sempit ini secara tidak langsung mengganggu tumpuan dan fokus pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain ketiadaan bilik darjah yang benar-benar sesuai dengan ketidakupayaan para pelajar pendidikan khas, bilik-bilik lain yang digunakan untuk membantu perkembangan dan pengurusan diri juga tidak disediakan, seperti bilik untuk mata pelajaran pengurusan diri, bilik akses kendiri, bilik pendidikan moral dan sebagainya. Analisis data juga menunjukkan kedudukan tandas bagi pelajar-pelajar pendidikan khas tidak bersetujuan dengan keadaannya yang jauh dari bilik darjah, sinki terlalu tinggi dan juga tiada laluan berkerusi roda khusus bagi mereka yang kurang upaya. Dari segi Bahan Bantu Mengajar (BBM) pula, responden menyatakan bahawa ianya masih tidak mencukupi terutama sekali yang berbentuk bahan ICT terkini. Penggunaan BBM merupakan satu cara untuk meningkatkan kejayaan dan pencapaian bagi pelajar-pelajar pendidikan khas, kerana tanpa bahan-bahan ini, proses pengajaran dan pembelajaran akan kurang efektif dan kualiti akademik akan menurun.

Seharusnya pihak yang bertanggungjawab perlu memastikan peralatan dan keperluan pelajar mencukupi bagi mengelakkan proses pengajaran dan pembelajaran terganggu seperti yang terdapat di sekolah yang masih kekurangan kerusi dan meja. Masalah lain yang perlu dititikberatkan adalah dari segi kekurangan kelengkapan ICT dan makmal komputer di beberapa buah sekolah (Masalah Pembelajaran, Labuan). Seajar dengan dunia yang serba canggih ini, ICT merupakan salah satu alat bantu mengajar yang menjadi keperluan bagi setiap sekolah. Sebagai contoh di dalam kajian Campbell, Milbourne, Dugan dan Wilcox (2006), kanak-kanak dilatih untuk menggunakan alat bantu komunikasi suara selari dengan konteks kanak-kanak khas pra sekolah semasa di dalam bilik darjah. Infrastruktur multimedia juga memainkan peranan semasa proses pengajaran dan pembelajaran kerana pelajar pendidikan khas ini mempunyai minat yang sama seperti pelajar biasa dimana mereka mudah tertarik dengan bahan-bahan pembelajaran yang bersifat interaktif. Campbell et al. (2006) juga menyatakan bahawa, perisian komputer memberikan kemahiran mempelajari program yang mencakupi pelbagai aspek.

Pelajar-pelajar yang menggunakan perisian mesra pendidikan khas akan dapat meningkatkan kemahiran menggunakan komputer. Perbandingan dapat dibuat di antara pengajaran menggunakan perisian berdasarkan program komputer dan juga

pengajaran pertuturan secara tradisional, di mana kanak-kanak didapati lebih mudah mempelajari suku kata dengan mengikuti arahan berpandukan penyampaian menggunakan komputer (O'Connor & Schery, 1986). Ini dipersetujui oleh Elder-Hinshaw, Manset-Williamson, Nelson dan Dunn (2006), yang menyatakan kemudahan multimedia memberikan peluang kepada pelajar untuk mengakses pelbagai teknologi bagi mengembangkan dan menyampaikan sesebuah projek dan juga dapat menggabungkan media lain seperti pengimbasan teks, gambar, video dan juga internet. Masalah-masalah lain yang dihadapi dalam menguruskan infrastruktur program yang terdapat di sekolah adalah seperti bilik darjah yang kurang pencahayaan, sistem pengudaraan yang kurang baik, bangunan sekolah yang uzur dan sebagainya.

Aspek keselamatan adalah penting kepada pelajar-pelajar pendidikan khas. Mereka perlu sentiasa diberi perhatian seperti menyediakan bilik darjah yang terletak di aras bawah dan berdekatan dengan tandas khas. Menurut Goldsmith dan Goldsmith (1998), kanak-kanak yang berkeperluan khas perlu berasa selesa, selamat dan terkawal bagi menerima pelajaran. Justeru itu, ia penting untuk mewujudkan kesinambungan dalam persekitaran bagi membolehkan kanak-kanak khas memberi makna terhadap dunia sekitar mereka dan membentuk konsep tempat mereka.

Walaupun secara keseluruhannya ramai responden yang tidak berpuas hati terhadap infrastruktur bilik darjah pendidikan khas di sekolah mereka, ada sebahagian kecil di kalangan responden ini menyatakan persetujuan terhadap kemudahan dan infrastuktur yang telah disediakan seperti beberapa buah sekolah di negeri Kelantan, Perlis, Pahang, Pulau Pinang, Labuan dan Kedah.

Pelbagai cadangan diterima daripada guru-guru bagi meningkatkan kesesuaian infrastruktur bilik darjah agar sesuai dengan kurikulum Pendidikan Khas dan juga mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil daripada ketidaklengkapan infrastruktur bilik-bilik darjah pendidikan khas, 211 responden menyarankan agar program pendidikan khas perlu mempunyai bilik darjah di bangunan sendiri yang luas dan selesa. Secara tidak langsung, cara ini akan memudahkan pelajar dan guru melaksanakan program-program yang telah disusun untuk membantu mereka membentuk suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Ini ternyata menunjukkan betapa pentingnya infrastruktur bilik darjah pendidikan khas dibina berdasarkan spesifikasi standard mengikut kriteria pelajar kurang upaya bagi setiap sekolah. Sebilangan guru juga menyarankan agar pihak sekolah membina infrastruktur berdasarkan keperluan pengajaran dan pembelajaran serta kecacatan fizikal pelajar-pelajar. Sebagai contoh, cadangan oleh responden di sekolah masalah pembelajaran di Pahang iaitu menyediakan tempat riadah untuk aktiviti senaman bagi pergerakan motor kasar dan bangunan yang mesra OKU.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan guru berpendapat bahawa infrastruktur bilik darjah pendidikan khas di sekolah perlu dinaik taraf dan diberi perhatian kerana rata-rata daripada pelajar pendidikan khas terpaksa belajar di dalam bilik darjah yang sempit dan kekurangan kemudahan. Penyediaan peluang-peluang pengajaran dan pembelajaran yang sama rata perlu diadakan termasuk untuk pelajar berkeperluan khas bagi membolehkan mereka berdikari dan memperkembangkan potensi masing-masing. Bilik darjah juga sepatutnya tidak perlu diasingkan berjauhan dengan bilik darjah pelajar normal kerana pergaulan di antara mereka akan terbatas dan pengasingan ini juga akan menjelaskan keyakinan dan kepercayaan diri pelajar-pelajar berkeperluan khas. Selain itu, pengurusan bilik darjah yang dinamik bergantung kepada kebijaksanaan guru memainkan peranan sebaik mungkin bagi menghasilkan bilik darjah yang harmonis, kondusif dan perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang memberangsangkan.

RUJUKAN

- Campbell, P. H., Milbourne, S., Dugan, L. M., & Wilcox, M. J. (2006). A review of evidence on practices for teaching young children to use assistive technology devices. *Topics in Early Childhood Special Education*, 26(1), 3–13.
- Elder-Hinshaw, R., Manset-Williamson, G., Nelson, J. M., & Dunn, M. W. (2006). Engaging older students with reading disabilities: Multimedia inquiry projects supported by reading assistive technology. *Teaching Exceptional Children*, 39(1), 6–11.
- Eleweke, C. J. (2002). A review of issues in deaf education under Nigeria's 6-3-3-4 Education System. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education*, 7(1) , 74–82.
- Elliot, J. L., & Thurlow, M. L. (2006). *Improving test performance of students with disabilities: On district and state assessments* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Goldsmith, J., & Goldsmith, L. (1998). Physical management. In Lacey, P. (Ed.), *People with profound and multiple learning disabilities: A collaborative approach to meeting complex needs* (pp. 15–28). London: David Fulton Publishers.
- O'Connor, L., & Schery, T. (1986). A comparison of microcomputer-aided and traditional language therapy for developing communication skills in non-oral toddlers. *The Journal of Speech and Hearing Disorders*, 51, 356–361.

Kekangan Bilik Darjah PK Terhadap Proses Pengajaran

Purkey, S., & Smith, M. (1983). Effective school: A review. *The Elementary School Journal*, 83(4), 427–452.

Zainudin Mohd. Isa. (2004). Peranan masyarakat dalam mempertingkatkan kerjaya golongan berkeperluan khas. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Khas*, 2, 402–406.